

KEPERLUAN KURSUS INTEGRITI DAN ANTIRASUAH (KIAR): SATU SOROTAN KAJIAN LITERATUR

Wayu Nor Asikin Mohamad
University College Bestari
E-mel: wayu@ucbestari.edu.my

Ayu Nor Azilah Mohamad
Universiti Islam Selangor
E-mel: ayunorazilah@uis.edu.my

Zahanim Ahmad
Universiti Islam Selangor
E-mel: zahanim@uis.edu.my

Noor Idayu Abd Wahid
Universiti Islam Selangor
E-mel: nooridayu@uis.edu.my

ABSTRAK

Artikel ini meneliti kajian berkaitan kepentingan Kursus Integriti dan Antirasuah (KIAR) berdasarkan sorotan kajian sedia ada. Ini bertujuan untuk menilai keberkesanan penawaran KIAR dalam membina mahasiswa berintegriti dan menghalang rasuah. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor kritikal dalam kursus integriti dan antirasuah, menentukan kaedah penyampaian yang efektif, dan menilai keberkesanan kursus terhadap perubahan sikap dan tingkah laku mahasiswa. Metodologi kajian ini menggunakan tinjauan literatur daripada pelbagai sumber akademik, laporan kerajaan, dan artikel yang berkaitan dengan isu integriti dan antirasuah. Kajian ini juga akan merujuk kepada kajian kes dan pengalaman industri untuk mendapatkan perspektif yang komprehensif. Sorotan kajian sedia ada menunjukkan bahawa kursus integriti dan antirasuah dapat meningkatkan kesedaran terhadap risiko rasuah dan mempromosikan nilai-nilai etika. Kajian ini dijangka menunjukkan kesan positif kursus dalam mengubah minda mahasiswa dengan memupuk kesedaran, pemahaman, dan komitmen terhadap integriti. Keputusan kajian ini diharap dapat menyumbang kepada pembangunan dan pelaksanaan program-program antirasuah yang lebih berkesan pada masa depan. Secara umumnya, kajian ini menyokong idea bahawa kursus integriti dan antirasuah adalah penting untuk membangunkan mahasiswa serta masyarakat yang bermoral dan bebas daripada rasuah.

Kata Kunci: KIAR; integrity; rasuah; mahasiswa

1. PENDAHULUAN

Kursus Integriti dan Antirasuah (KIAR) diperkenalkan sebagai satu inisiatif pendidikan dan pemerkasaan untuk meningkatkan kesedaran, kefahaman, dan komitmen individu terhadap nilai integriti dan amalan antirasuah. Kursus ini menekankan pentingnya mengamalkan etika dan prinsip integriti dalam kehidupan seharian, terutamanya dalam sektor awam dan swasta, bagi menangani gejala rasuah yang boleh merosakkan sistem sosial, ekonomi, dan pentadbiran.

Objektif pengenalan Kursus KIAR ialah;

1. Memupuk Kesedaran:
Menyedarkan peserta tentang kesan negatif rasuah dan ketidakintegritian terhadap masyarakat dan negara.
2. Mengukuhkan Integriti:
Mendorong peserta mengamalkan nilai integriti dalam tugas harian serta kehidupan peribadi.

3. Pencegahan Rasuah:
Memberi pengetahuan tentang undang-undang antirasuah dan strategi pencegahan bagi mencegah jenayah ini daripada berlaku.
4. Menggalakkan Etika Profesional:
Memupuk amalan etika dalam perkhidmatan awam dan sektor swasta.
5. Menyokong Tadbir Urus Baik:
Meningkatkan kesedaran tentang amalan tadbir urus baik (good governance) sebagai asas pentadbiran cekap dan telus.

2. SOROTAN KAJIAN LITERATUR KURSUS INTEGRITI DAN ANTIRASUAH (KIAR)

Kajian literatur adalah satu penelusuran dan penelitian kepustakaan dengan membaca pelbagai buku, jurnal, dan terbitan-terbitan lain yang berkaitan dengan topik penelitian untuk menghasilkan satu tulisan berkenaan dengan satu topik atau isu tertentu. Di perpustakaan, penulisan kajian literatur akan menjelajahi kajian-kajian yang pernah dilakukan oleh pengkaji lain tentang satu topik atau isu tertentu (Amri, 2016). Kepentingan kajian literatur untuk menghasilkan sebuah tulisan ilmiah adalah penulis harus meneliti kajian-kajian lepas berkaitan dengan topik perbincangan, masalah dalam kajian, teori-teori yang pernah digunakan dalam penghasilan kajian dan metodologi yang telah digunakan dalam menghasilkan penulisan tersebut (Neuman, 2011). Malah, untuk menulis sesuatu laporan, artikel untuk terbitan dalam jurnal ilmiah termasuk penulisan tesis tetap menggunakan kajian literatur sebagai bahan rujukan. Mencari, memilih, menentu dan membaca literatur menjadi permulaan dalam sesuatu penulisan (Creswell, 2003).

Kertas kerja ini bertujuan untuk meneliti dan menganalisis kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan keberkesanan Kursus Integriti dan Antirasuah (KIAR) dalam konteks IPT di Malaysia. Kajian literatur ini akan mengkaji beberapa aspek penting, termasuk definisi dan konsep integriti, tahap kesedaran dan pengetahuan pelajar mengenai isu-isu integriti dan rasuah, serta impak kursus tersebut terhadap perubahan tingkah laku dan nilai etika pelajar. Selain itu, kertas kerja ini juga akan merangkumi pelbagai pendekatan dan metodologi yang digunakan dalam kajian-kajian sebelum ini, serta hasil dan rumusan yang diperoleh daripada penyelidikan terdahulu. Dengan memahami latar belakang dan perkembangan terkini dalam kajian ini akan dapat mengidentifikasi jurang pengetahuan yang ada dan mendasari kepentingan untuk meneruskan kajian lanjut dalam bidang ini.

Melalui analisis ini, diharapkan akan dapat menjelaskan sumbangan kursus integriti dan antirasuah (KIAR) dalam membentuk generasi masa depan yang beretika dan berintegriti, serta memberikan cadangan untuk penambahbaikan dalam program yang sedia ada. Kajian ini bukan sahaja relevan dalam konteks pendidikan, tetapi juga berimpak kepada pembangunan sosial dan ekonomi yang lebih luas di Malaysia. Malah hasil kajian lepas boleh menjelaskan keberhasilan KIAR dan kepentingan penekanan pendidikan integriti sebagai satu langkah proaktif dalam usaha memerangi rasuah. Di samping membentuk budaya yang beretika dalam kalangan belia. Ini selaras dengan matlamat kerajaan dan masyarakat untuk mencipta persekitaran yang lebih baik serta berdaya saing.

Penilaian sistematik perlu dilaksanakan bagi memastikan sukatan Kursus Integriti dan Antirasuah di institut pengajian tinggi (IPT) sepertimana diumumkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjadi lebih berkesan. Langkah tersebut bertujuan mengukur hasil dan prestasi sekali gus memenuhi jangkaan sepertimana yang diharapkan. Jangkaan itu merujuk kepada perkembangan positif hasil daripada pembelajaran silibus di peringkat IPT. Bagaimanapun pendidikan formal ini harus disokong oleh mekanisme pendidikan tidak formal. Ini sama pentingnya untuk mengurangkan

potensi pembiakan rasuah dalam kalangan pelajar IPT. Sebenarnya ia memerlukan lebih daripada pendidikan formal untuk menangani masalah tersebut. Sokongan bersama daripada setiap peringkat ekosistem adalah penting bagi memupuk kesedaran dan nilai antirasuah di negara (Raja Nur Faznie Aida, 2022).

Terdapat beberapa kajian lepas yang relevan untuk dilihat, dijadikan rujukan dan garis panduan dalam pengkajian tentang keberkesanan pelaksanaan subjek kursus Integriti dan Antirasuah di Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia. Antara kajian lepas berikut ialah kajian yang dilaksanakan oleh Nadirah, Jasmine dan Rabikha Hasni bertajuk '*Factors Affecting Lecturers' Willingness and Readiness to Teach the Integrity and Anti-Corruption Compulsory Course*' (2024). Kajian ini menilai faktor yang mempengaruhi kesediaan pensyarah yang berpengalaman mengajar subjek MPU dan yang tidak pernah mengajar serta bukan tenaga pengajar MPU untuk mengajar Kursus Integriti dan Antirasuah yang diwajibkan di IPT sejak September 2023. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu survei $n = 50$ pensyarah dan temu bual separa berstruktur.

Hasil dapatan kajian menjelaskan bahawa pensyarah yang lebih bersedia ialah yang pernah mengajar subjek MPU sebelum ini, yang telah menerima latihan khusus, dan memahami kepentingan kursus tersebut. Akan tetapi dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat hampir separuh responden kurang bersedia kerana keperluan mengajar dalam bahasa Melayu dan kekurangan latihan formal. Ini jelas membuktikan bahawa keberkesanan kursus sangat bergantung kepada persiapan tenaga pengajar dan latihan berkualiti serta bukan hanya kebijakan teori semata-mata. Kesimpulannya, didapati kajian ini sangat relevan kerana ia melihat dari sudut perguruan. Ini antara satu aspek yang penting untuk memastikan kursus ini disampaikan dengan efektif dan bukan hanya diperkenalkan semata-mata.

Berikutnya kajian Ratna Roshida (2021) yang memfokuskan kajian untuk menilai tahap kesedaran dan sikap antirasuah dalam kalangan mahasiswa UPM, serta punca kecenderungan kepada rasuah. Dapatan Kajian Persepsi Kecenderungan Tingkah Laku Rasuah Dalam Kalangan Mahasiswa oleh pasukan penyidik Institut Sains Sosial (IPSAS) Universiti Putra Malaysia (UPM) menunjukkan amalan rasuah dalam politik di negara ini berada di tahap sangat serius berbanding sektor lain iaitu dengan skor tertinggi sebanyak 91.4. Sektor Parlimen berada di tahap kedua tertinggi dengan skor 84.5 diikuti agensi penguatkuasaan 82.4 dan awam 81.1.

Dapatan kajian juga menjelaskan bahawa faktor utama penyumbang kepada tingkah laku rasuah termasuk kewangan dan kos sara hidup. Cadangan mewujudkan Gerakan Anti-Rasuah Mahasiswa di setiap IPT serta kempen "benci rasuah" dan kursus integriti sebagai mekanisme pendidikan. Yang nyata, kajian ini membayangkan bahawa Kursus Integriti dan Antirasuah (KIAR) wajar diperkenalkan sejak awal untuk menangani punca masalah dari perspektif mahasiswa sendiri. Ini selari dengan pendekatan pendidikan nilai.

Selain itu, kajian Rahayu Abdul Rahman et.al. (2023) yang bertajuk '*Students' Perceptions toward Corruption: Malaysian Evidence.*' Objektif kajian ini mengkaji persepsi rasuah dalam kalangan pelajar IPT di Malaysia. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti pelajar sedar tentang rasuah tetapi lebih mengenali sistem rasuah yang melibatkan jumlah kewangan besar. Terdapat juga kekurangan kefahaman terhadap bentuk rasuah yang berskala kecil atau tidak ketara. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa KIAR perlu dirancang bukan sahaja memberi pengetahuan teori tetapi membentuk pemahaman mendalam terhadap pelbagai bentuk rasuah. Ini menjadikan kursus lebih efektif dari segi transformasi nilai.

Di samping itu, hasil kajian juga menunjukkan bahawa bukan sahaja kandungan kursus yang penting, akan tetapi cara penyampaian isi kandungan kursus turut berperanan penting. Ini termasuk faktor sokongan itu pensyarah yang terlatih, penggunaan modul interaktif serta konteks yang praktikal. Ini bermakna keberkesanan Kursus Integriti dan Antirasuah (KIAR) bergantung kepada pendekatan holistik yang melibatkan aspek akademik, pendidikan nilai dan sokongan terhadap perubahan tingkah laku sebenar.

Seterusnya kajian yang dilaksanakan oleh Mohamad Tarmize (2021) membincangkan maksud rasuah dalam konteks negara kita, kesalahan-kesalahan rasuah berdasarkan Akta SPRM 2009 dan hukuman jika disabitkan dengan rasuah. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif iaitu perkongsian kes-kes sebenar rasuah melibatkan warga pendidik dikongsi sebagai iktibar. Oleh yang demikian, rekabentuk yang sesuai bagi kajian ini adalah analisis kandungan. Kes-kes sebenar ini adalah data sekunder yang mana dianalisa secara tematik.

Hasil dapatan kajian dari kes-kes sebenar yang telah berlaku, terdapat empat tema besar yang dikeluarkan. Tema besar itu ialah (a) meminta dan menerima rasuah, (b) menawar dan memberi rasuah, (c) mengemukakan tuntutan palsu, dan (d) menggunakan jawatan awam bagi mendapatkan sesuatu. Kesemua tema ini adalah selari dengan Akta SPRM 2009. Kepentingan kajian ini ialah kertas kerja ini menyentuh secara ringkas langkah-langkah pencegahan yang perlu dilakukan oleh warga pendidik bagi memastikan integriti diri dipelihara dan rasuah dapat dijauhkan. Ini juga menjelaskan beberapa usaha penerapan integriti dan budaya antirasuah dalam sistem pendidikan negara.

Kajian Hadijah dan Anas Suzastri (2024) menjurus kepada KIAR iaitu ‘Kursus Integriti Dan Anti Rasuah (KIAR): impak terhadap sikap dan tingkah laku mahasiswa dalam menangani cabaran rasuah’. Kajian ini bertujuan meninjau ketersediaan pelaksanaan kursus Integriti dan Anti Rasuah (KIAR) dalam kalangan mahasiswa. Maka kajian ini dijalankan bagi memperincikan dapatan berkaitan pengetahuan am masalah rasuah dalam negara, sikap kognitif dan sikap efektif mahasiswa terhadap rasuah serta niat tingkah laku mahasiswa untuk rasuah atau tidak rasuah pada masa akan datang. Kajian ini menggunakan korelasi deskriptif sebagai metodologi penyelidikan.

Kajian membuktikan bahawa terdapat korelasi positif di antara niat rasuah dan sikap kognitif apabila Nilai Pearson Correlation sebesar 0.326 dan Nilai Signifikansi (2-tailed) sebesar 0.079 maka data membuktikan adanya hubungan yang sederhana tetapi kajian tentang niat rasuah dan sikap efektif mendapati bahawa wujud korelasi negatif yang redah dengan Nilai Pearson Correlation sebesar -0.280 dan Nilai Signifikansi (2-tailed) sebesar 0.134. Keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa masih terdapat banyak perkara yang perlu diberikan perhatian terhadap kajian-kajian berkaitan impak Kursus Integriti dan Anti Rasuah (KIAR) iaitu salah satu kursus Mata Pelajaran Umum (MPU) terhadap sikap dan tingkah laku mahasiswa dalam menangani cabaran rasuah termasuk kajian korelasi antara sikap dan tingkah laku yang mempertimbangkan konteks sosial dan budaya tempatan. Kesimpulannya, kajian-kajian seterusnya berkaitan Kursus Integriti dan Anti Rasuah (KIAR) perlu dijalankan bagi memenuhi agenda perubahan dalam dunia pendidikan negara dan hasil kajian ini boleh dijadikan rujukan bagi pengkaji akan datang bagi melakukan kajian lanjutan. Terdapat juga buku bertajuk ‘Kursus Integriti dan Rasuah: Institusi Pengajian Tinggi (Mohamad Tarmize et.al, 2020). Buku ini bukan sahaja mendidik tentang apa itu rasuah, tetapi lebih penting, mengapa pelajar mesti menolaknya sejak awal. Ia menanam nilai akauntabiliti, tanggungjawab sosial dan keberanian moral yang menjadi komponen penting dalam melahirkan pemimpin masa depan yang bersih dan berprinsip.

Buku ini merupakan sebuah modul pendidikan yang dibangunkan khusus untuk membentuk generasi mahasiswa yang berintegriti, beretika, dan menolak rasuah dalam semua bentuk. Ia bukan sekadar bahan bacaan akademik, tetapi juga sebuah alat intervensi awal dalam membentuk nilai moral dan tanggungjawab sivik dalam kalangan pelajar. Buku ini sesuai untuk semua pelajar IPT dan juga sebagai bacaan nilai untuk pendidik, penjawat awam, dan penggerak masyarakat. Buku ini menampilkan struktur sistematik bermula dari pengenalan kepada konsep asas integriti, bentuk dan kesan rasuah, hingga kepada peranan institusi seperti SPRM dan amalan pencegahan melalui Pelan Antirasuah Nasional (NACP/NACS). Ia turut menekankan pendidikan nilai, bukan sekadar undang-undang atau hukuman. Selain itu, kandungan buku berpaksikan senario sebenar di Malaysia, termasuk kes rasuah berprofil tinggi dan isu liabiliti korporat. Penghuraian isi diselaraskan dengan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang menjadikannya selaras dengan dasar negara.

Berikutnya ialah buku Integriti dan Antirasuah karya Muhammad Shashinor dan Norhadi (2024). Buku ini dijadikan sebagai rujukan utama bagi kursus Integriti dan Antirasuah (KIAR) di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia, dalam kolaborasi antara Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan SPRM. Buku ini dirancang bagi membangunkan kerangka pemikiran kritikal dan analitikal terhadap isu integriti dan rasuah dalam konteks individu, organisasi, sektor awam dan sektor swasta di Malaysia. Buku ini menekankan nilai etika serta tanggungjawab moral, dengan impak langsung kepada pembangunan warganegara yang berintegriti, patriotik dan bertanggungjawab sosial.

Buku ini disusun berdasarkan silibus KIAR dan meliputi tema-tema utama. Antaranya ialah penghuraian definisi dan konsep asas integriti, rasuah termasuk liabiliti korporat. Ini termasuk penekanan keperluan amalan etika dalam kehidupan peribadi dan institusi serta penghuraian tentang dasar kerajaan berkaitan rasuah. Perbincangan turut menghuraikan peranan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam memerangi rasuah. Ini termasuk diskusi tentang bagaimana integriti menjadi asas kepada tadbir urus yang berkesan dan beretika.

3. KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, kajian literatur ini menegaskan bahawa keberkesanan Kursus Integriti dan Antirasuah (KIAR) di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia sangat penting dalam membentuk budaya integriti dan mengatasi gejala rasuah. Pelaksanaan kursus yang komprehensif, berterusan, dan relevan mampu meningkatkan kesedaran serta membina sikap bertanggungjawab dalam kalangan pelajar dan warga institusi. Selain itu, sokongan daripada pihak pengurusan dan penglibatan aktif semua pihak adalah kunci utama untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan KIAR. Oleh itu, Institusi Pengajian Tinggi perlu terus memperbaiki dan menyesuaikan pendekatan agar kursus ini benar-benar memberi impak positif dalam membentuk generasi yang berintegriti tinggi dan bebas daripada rasuah pada masa hadapan.

4. RUJUKAN

- Amri Marzali. (2016). Menulis Kajian Literatur. *Jurnal Etnosia*. Vol. 01. No. 02. Desember 2016. Universitas Muhammadiyah Prof. DR.HAMKA.
- Creswell, John W. (2003). *Research Design. Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. Sage Publication.
- Hadijah Johari dan Anas Suzastri Ahmad. (2024). Kursus Integriti Dan Anti Rasuah (KIAR): impak terhadap sikap dan tingkah laku mahasiswa dalam menangani cabaran rasuah. *E-Prosiding*

Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan kali ke-9 (PASAK9 2024) 17-18 Julai 2024 e-ISSN:2811-4051. 1267-1275.

- Mohamad Tarmize et.al. (2020). *Kursus Integriti dan Rasuah: Institusi Pengajian Tinggi*. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.
- Mohamad Tarmize Abdul Manaf. (2021). *Pencegahan Rasuah Ke Arah Menginsankan Pendidikan Di Malaysia*. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.
- Muhammad Shamsinor & Norhadi Rohani. (2024). *Integriti dan Antirasuah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Nazirah Md Yusof, Jasmine Selvarani Emmanuel, Rabikha Hasni Suparman. (2024). Factors Affecting Lecturers' Willingness and Readiness to Teach the Integrity and Anti-Corruption Compulsory Course. *Journal of Sustainable Development Practice (JSDP)*. e-ISSN: 3036-0374 Vol. 1 No. 2 (2024) 19-28.
- Neuman, W. Lawrence (2011). *Social Research Methods. Qualitative and Quantitative Approaches*. Pearson.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Malaysia: McGraw Hill (Malaysia).
- Rahayu Abdul Rahman et.al. (2023). Students' Perceptions toward Corruption: Malaysian Evidence. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. 13(2), 126 – 135.
- Raja Nur Faznie Aida. (6 Jun 2022). Penilaian Sistemik Pastikan Kursus Integriti, Antirasuah Berkesan. <https://info.sinarharian.com.my/rasuah-busters/penilaian-sistemik-pastikan-kursus-integriti-antirasuah-berkesan>. Dirujuk pada 18 Julai 2025.
- Rata Roshida Ad. Razak. (1 Ogos 2021). Keperluan terdesak nilai integriti untuk masyarakat bebas rasuah. Utusan Malaysia Online. <https://www.utusan.com.my/rencana/2021/08/keperluan-terdesak-nilai-integriti-untuk-masyarakat-bebas-rasuah/>. Dirujuk pada 18 Julai 2025.